

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENGENA1 PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
KEBANGSAAN DI DEWAN RAKYAT PADA 24HB
APRIL, 1961

Tuan Yang Dipertua,

Saya suka menjawab pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang didatangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Islam Se Malaya, terhadap Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan kita. Ahli-ahli Yang Berhormat dari PAS ada mendatangkan tuduhan-tuduhan bahawa dalam hal menjalankan rancangan Pembangunan Luar Bandar dan juga membahagikan wang untuk penggunaan Negeri-negeri bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini, Kerajaan Persekutuan tidak adil dan ada menjalankan dasar "Apartheid" terhadap Negeri-negeri Kelantan dan Trengganu yang diperintahkan oleh Kerajaan PAS.

Saya suka menerangkan seperti saya telah terangkan kerap kali dalam Dewan ini bahawa di atas perkara menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini Kerajaan Persekutuan adalah menurut dasar-dasar yang tertentu dan dasar-dasar itu adalah terkandung di dalam Buku Merah serta dalam Perintah Rancangan Luar Bandar Pertama yang telah dikeluarkan kepada semua Negeri. Di dalam Hujungan "D" dalam Buku Merah adalah diterangkan bagaimana cara-cara wang Kerajaan Persekutuan akan diberi kepada Kerajaan Negeri untuk menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Bantuan wang dari Kerajaan Persekutuan akan ditimbangkan apabila Kerajaan-kerajaan Negeri telah menyiapkan tiga perkara yang berikut:

- (1) Telah membuat satu rancangan yang mengandungi semua butir-butir Pembangunan Luar Bandar Negeri itu;
- (2) Telah mentaksirkan wang yang dikehendaki bagi melaksanakan rancangan itu; dan
- (3) Kerajaan Persekutuan telah yakin yang Kerajaan Negeri itu telah membelanjakan wang yang terdaya olehnya bagi menjalankan rancangan-rancangan itu.

Pendeknya dasar pembahagian wang untuk Pembangunan Luar Bandar kepada Negeri ialah wang itu akan diberi kepada Kerajaan Negeri sekiranya Kerajaan Negeri telah membuktikan yang mereka telah memulakan melaksanakan kelaksanaan mereka sendiri dan telah menggunakan wang-wang dan daya-upaya untuk menjayakan usaha kemajuan Pembangunan Luar Bandar itu. Oleh itu nyatalah bahawa tanggungjawab pertama untuk melaksanakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar Negeri ialah Kerajaan Negeri.

Dan menurut dasar yang tersebut itu wang telahpun diuntukkan sedikit sebanyak kepada Negeri-negeri Kelantan dan Trengganu daripada wang 3.4 juta ringgit yang telah dipersetuju oleh Dewan ini bagi melaksanakan rancangan-rancangan kecil untuk pertolongan kepada rakyat di Luar Bandar.

Akan tetapi satu daripada bahagian besar dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini ialah perusahaan tanah sama ada perusahaan tanah di bawah anjuran Lembaga Kemajuan Tanah atau F.L.D.A. ataupun perusahaan tanah di bawah rancangan "Group Settlement Area Bill". Dan pembahagian wang yang diuntukkan kepada rancangan Pembangunan Luar Bandar adalah diuntukkan bagi menjalankan rancangan-rancangan di dalam kawasan pembukaan tanah ini iaitu seperti mengadakan jalan-jalan raya, bekalan air, kelinik-kelinik, sekolah-sekolah, balai-balai raya dan sebagainya. Oleh sebab Kerajaan Kelantan dan Trengganu tidak menerima kedua-dua rancangan ini iaitu rancangan yang telahpun dipersetujukan oleh Majlis Tanah Kebangsaan atau National Land Council, maka tentulah wang yang diuntukkan dalam rancangan-rancangan tanah tidak dapatlah diberi kepada Kerajaan Kelantan dan Trengganu. Dan penduduk-penduduk di Kelantan dan Trengganu tak dapat menerima bantuan dan faedah daripada wang itu.

Pendirian Kerajaan-kerajaan Kelantan dan Trengganu terhadap kedua-dua cara rancangan tanah ini ialah tidak dapat difahamkan kerana rancangan ini telahpun dipersetujukan oleh Majlis Tanah Kebangsaan dan juga telahpun dipersetujukan oleh Dewan ini. Dasar F.L.D.A. ialah hendak memberi pertolongan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan hendak membuka tanah untuk orang-orang yang tidak ada mempunyai tanah. Dan pada masa ini ada dua puluh tiga rancangan-rancangan tanah yang dianjurkan oleh

F.L.D.A. di seluruh Tanah Melayu. F.L.D.A. semata-mata hendak menjayakan rancangan-rancangan ini dan berkenaan dengan orang-orang yang hendak diberi peluang menduduki rancangan-rancangan ini maka terpulanglah kepada pihak Kerajaan Negeri, selepas dirundingkan dengan F.L.D.A.

Tidak ditentukan hal F.L.D.A. itu hendak membawa orang dari negeri-negeri lain seperti yang dituduhkan oleh Ketua-ketua PAS dan rancangan F.L.D.A. yang ada di Kelantan dan Trengganu iaitu Rancangan Air Lanas dan Rancangan Calok penduduk-penduduk di tempat itu ialah daripada orang-orang yang datang dari negeri itu. Oleh itu pendirian Kerajaan PAS tentang hal ini tidak difahamkan melainkan mereka itu semata-mata hendak mementingkan hal politiknyanya dan menahan rakyat negeri daripada mendapat bantuan yang semata-mata memberi faedah kepada mereka itu.

Begitu juga berkenaan dengan rancangan Group Settlement. Rancangan ini adalah dikehendaki dijalankan oleh Kerajaan Negeri, akan tetapi Kerajaan Persekutuan adalah bersama-sama memberi pertolongan, pertolongan wang, pertolongan baja dan pertolongan benih. Dalam rancangan ini juga Kerajaan Persekutuan tidak ada mempunyai apa-apa tujuan melainkan hendak menolong Kerajaan Negeri dan rakyat negeri supaya dapat rancangan tanah itu dijayakan dan dapat rakyat negeri menerima faedah.

Kerajaan Persekutuan tahu bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri dengan bersendirinya tak mampu dan tentu susah untuk menjayakan rancangan-rancangan tanah dengan sempurnanya melainkan dengan bantuan Kerajaan Persekutuan. Di sinipun tidak difahamkan apa sebabnya Kerajaan Kelantan dan Trengganu berkecuali dalam hal ini. Kerajaan kedua-dua Negeri itu telah bersetuju di atas dasarnya rancangan ini dan perkara ini telah dikemukakan kepada Dewan ini dan telah mendapat persetujuan Dewan ini mengadakan undang-undang, akan tetapi selepas daripada itu dengan tak semena-mena dan tak diketahui apakah sebabnya kedua-dua Kerajaan ini telah mengecuali. Saya suka berkata terus terang kepada Dewan ini bahawa pendirian kedua-dua Kerajaan ini terhadap pembukaan tanah adalah semata untuk meragukan rakyat di Kelantan dan Trengganu.

Ketua-ketua Parti PAS dan juga Menteri Besar Kelantan¹ dan Trengganu² ada mengatakan yang mereka itu mempunyai rancangan tanahnya sendiri dan wakil Pasir Putih³ ada menerangkan apa dianya rancangan itu. Saya sendiri tahu apa dia rancangan pembukaan tanah PAS di Negeri Kelantan itu. Wakil Pasir Putih berkata Kerajaan Kelantan sedang membuka tanah lebih kurang 19,000 ekar luasnya.

Saya katakan dengan tegas di sini bahawa rancangan ini ialah rancangan di atas kertas sahaja dan belum lagi dijalankan. Saya diberitahu dengan sahnya bahawa pada masa ini Kerajaan Kelantan ada mencadangkan hendak membuka enam rancangan-rancangan tanah yang berjumlah luasnya 17,722 ekar. Cara hendak membuka tanah ini, ialah dipilih orang-orang yang hendak dimasukkan ke tempat-tempat pembukaan tanah itu dan mereka itu disuruh menebang dan menebas kayu dan jikalau ada kayu yang boleh dijual bolehlah mereka itu jual dan mereka itu diberi akuan selepas mereka itu telah masuk ke hutan, telah menebang dan menebas, maka tanah itu akan disukat. Menurut janji ini saya diberitahu ada dua tiga ratus orang telah masuk di tempat-tempat yang ditentukan itu, selepas mereka itu telah berjual atau bergadai harta benda mereka kerana hendak membuat belanja untuk menjayakan tanah itu. Akan tetapi selepas dua tiga bulan duduk dalam hutan mereka itu terpaksa keluar, pertamanya disebabkan tanah yang mereka cuba terangkan itu belum dapat disukat dan mereka itu tak cukup belanja hendak melanjutkan pekerjaan itu. Mereka itu tidak diberi apa-apa bantuan wang. Jadi, adakah rancangan yang semacam ini boleh mendapat kejayaan? Rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan, tanah itu ditebang dan ditebas dahulu kemudian baharulah dibagi kepada penduduk-penduduk dan penduduk adalah diberi bantuan wang untuk belanja mereka itu tidak kurang daripada dua tahun lamanya, diberi bantuan benih, baja dan diadakan kemudahan-kemudahan lain, seperti jalan-jalan raya dan sebagainya.

Saya sangat kasihan kepada orang-orang negeri Kelantan kerana mereka itu sangat kuat bekerja dan suka hendak mengusahakan tanah, sungguhpun tidak mendapat apa-apa bantuan mereka itu cuba juga hendak bukakan tanah itu. Akan tetapi adakah patut

1 Y.B. Tuan Haji Ishak Lofti bin Omar.

2 Y.B. Encik Mohammad Daud bin Abdul Samad.

3 Y.B. Encik Mohamad Asri bin Haji Muda. -

mereka itu dibiarkan dalam keadaan yang semacam itu? Dan banyak orang-orang dari Kelantan telah datang ke negeri-negeri lain, terutama sekali ke Negeri Pahang kerana suka hendak masuk dalam rancangan tanah Kerajaan yang ada di negeri itu. Kerajaan Persekutuan suka hendak memberi pertolongan akan tetapi Kerajaan PAS menggalangkan dan menahan Kerajaan Persekutuan daripada memberi pertolongan itu. Oleh itu dalam lawatan saya baharu-baharu ini di Kelantan dan Trengganu saya terpaksa menerangkan dengan jelas pendirian Kerajaan Persekutuan dalam hal ini supaya penduduk-penduduk di Kelantan dan Trengganu faham dan mengetahui bahawa jika mereka itu tidak mendapat bantuan berkenaan rancangan tanah dan jika rancangan tanah yang dijalankan itu tidak berjaya maka kesalahan adalah semata-mata pada Kerajaan PAS di kedua-dua buah negeri itu. Penduduk-penduduk di kedua-dua buah Negeri itu ialah orang-orang yang baik, yang rajin dan usaha untuk mencari nafkah hidup mereka. akan tetapi sayang yang mereka itu mempunyai satu kerajaan yang tidak menjaga kepentingan mereka itu.

Di Jajahan Ulu Kelantan ada dua rancangan tanah yang dibuka oleh bekas Ahli-ahli Pasukan Keselamatan sebelum Kerajaan PAS berkuasa di Kelantan. Dan oleh sebab mereka itu ada mempunyai wangnya sendiri diberi oleh Kerajaan dan sebab mereka itu kerja menurut tata tertib atau disiplin yang mereka itu telah pelajari masa berkhidmat dalam Pasukan Keselamatan mereka telah berjaya menebang dan menebas dan juga menanam pokok di tanah yang dibuka itu. Akan tetapi pada masa ini mereka itu dalam kesukaran oleh sebab tidak mendapat bantuan berkenaan dengan rumah-rumah, bekalan air, jalanraya dan sebagainya di tempat kediaman mereka itu. Kerajaan Persekutuan dan pihak F.L.D.A. suka hendak memberi bantuan kepada mereka itu akan tetapi Kerajaan Kelantan tidak membenarkan Kerajaan Persekutuan hendak memberi pertolongan itu. Wakil-wakil dari Kerajaan PAS ada menuduh Kerajaan Persekutuan tidak memberi layanan dan pertolongan kepada bekas Ahli-ahli Pasukan Keselamatan. Kerajaan Persekutuan telah bersedia untuk menolong mereka itu akan tetapi dalam hal ini Kerajaan PAS menahan dan menggalangkan Kerajaan Persekutuan memberi pertolongan. Oleh kerana itu mereka itu menderita dan bilangan orang-orang yang semacam ini di Ulu Kelantan ialah 260 kelamin. Inilah dianya kedudukan rancangan tanah Kerajaan PAS yang saya percaya tidak akan jaya. Dan sekarang apabila orang-orang yang masuk hutan dan keluar

oleh sebab tak cukup belanja dan barang makanan maka Ketua-ketua PAS telah menyalahkan orang-orang Perikatan mengatakan orang-orang Perikatan menghasut mereka itu. Cara pembukaan tanah yang diperbuat itu memang tak dapat jaya. Ada setengah-setengah negeri yang telah mencuba berbuat begitu, iaitu menggalakkan orang-orang membuka tanah dengan tak ada memberi bayaran sugu hati, akan tetapi didapati mereka itu tidak dapat untuk menjayakan tanah itu. Negeri-negeri lain, selain daripada sugu hati ada pertolongan-pertolongan yang lain yang diberi seperti tanah itu ditebang tebas, pertolongan baja, benih dan kegunaan-kegunaan yang lain.

Nyatalah bantuan wang yang akan diberi kepada satu-satu negeri terhadap pembangunan luar bandar ini, seperti saya kata tadi, bergantunglah kepada cara-caranya negeri itu boleh menjayakan rancangan itu.

Dalam lawatan saya ke Kelantan baharu-baharu ini saya tidak dibenarkan oleh Menteri Besar Kelantan berjumpa dengan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Jajahan Kota Bharu dan Jajahan Ulu Kelantan. Kerajaan Kelantan telah diberitahu bahawa lawatan saya ke Kelantan itu ialah lawatan rasmi dan sambil saya menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang lain saya suka untuk melawat Askar Melayu Diraja dan Tentera Tempatan seperti sifat saya sebagai Menteri Pertahanan dan juga untuk melawat dan berjumpa dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar di mana-mana tempat yang saya boleh lapangkan masa. Setiausaha saya telah memberitahu Kerajaan Kelantan bahawa saya suka hendak berjumpa Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Kota Bharu dan Ulu Kelantan dan perjumpaan itu telah ditetapkan. Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut telah diberitahu waktu dan masa perjumpaan itu. Rundingan yang telah dibuat dalam lawatan itu ialah untuk Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar pergi bersama dalam lawatan itu dengan pegawai-pegawai Kemajuan Negeri Kelantan serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

Akan tetapi pada hari saya sampai di Kelantan lebih kurang pukul 4.30 pegawai-pegawai Kemajuan Negeri Kelantan telah diberitahu oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan bahawa perjumpaan itu dimansuhkan mengikut perintah Menteri Besar Kelantan. Dan Menteri Besar Kelantan telah melarang Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar berjumpa dengan saya.

Jadi inilah dianya pendirian Kerajaan tidak memberi kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan dalam menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar, dan jikalau saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab di atas hal ini tidak dibenar berjumpa dengan Ahli-ahli Jawatankuasa dan pegawai-pegawai yang menjalankan pekerjaan itu saya tak dapat untuk bertanggungjawab di atas bantuan wang di Negeri Kelantan berkenaan dengan pembangunan luar bandar. Saya telah memberitahu Kerajaan Kelantan di atas hal ini tetapi langkah yang diambil oleh Menteri Besar dan Kerajaan Kelantan adalah langkah yang menunjukkan dengan nyata yang Kerajaan Kelantan itu tidak mahu bekerjasama bagi melaksanakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar dan tidak menerima Directive No. I itu, dan saya telah terangkan juga, dengan keadaan yang demikian Kerajaan Kelantan mestilah bertanggungjawab dengan sebulat-bulatnya jika Rancangan Pembangunan Luar Bandar itu tidak dilaksanakan dengan sempurna di Negeri Kelantan. Di Negeri Trengganu Menteri Besar ada memberi sambutan yang memuaskan hati. Di Trengganu juga saya minta berjumpa dengan dua Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dungun dan Kuala Trengganu dan dalam dua-dua perjumpaan itu Menteri Besar dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Negeri ada hadir bersama-sama berunding dengan saya berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Saya memberi pujian kepada Menteri Besar Trengganu di atas sikapnya itu tetapi saya sangat dukacita di atas sikap Menteri Besar Kelantan. Sungguhpun ketua-ketua PAS di sini mengata yang mereka itu menyokong Rancangan Pembangunan Luar Bandar akan tetapi Menteri Besar Kelantan dan Ketua-ketua PAS di Kelantan tidak membenarkan saya berjumpa dengan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Kelantan.

Oleh itu pada masa lawatan saya itu saya terpaksa terangkan kepada rakyat di atas hal ini supaya rakyat Negeri Kelantan tahu yang Kerajaan Persekutuan adalah cuba hendak memberi pertolongan akan tetapi tidak mendapat kebenaran dari Kerajaan Kelantan. Saya tidak berkata yang saya tidak mengakui Jawatan-jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar di Kelantan, saya hanyalah berkata yang Kerajaan Kelantan tidak membenarkan saya berjumpa dengan mereka itu. Saya terpaksa terangkan perkara ini supaya penduduk-penduduk negeri Kelantan mengetahui jika Rancangan Pembangunan Luar Bandar tak sampai kepada mereka itu maka yang menghalangkan perkara ini ialah

Menteri Besar Kelantan dan rakan-rakannya, Ketua-ketua PAS di Kelantan. Dengan perbuatan yang semacam ini nampaklah bahawa pendirian Ketua-ketua PAS itu tidak berketentuan halnya. Ketua Agong PAS di Dewan ini berkata yang Partinya menyokong Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Menteri Besarnya di Negeri Kelantan tidak memberi kerjasama dan bermakna tak menerima Rancangan Pembangunan Luar Bandar itu.

Jadi inilah dianya cara perjalanan Kerajaan PAS dalam hal ini dan saya fikir Ahli-ahli Dewan ini patut mengetahuinya kalau peruntukan wang tak dapat diberi kepada Kerajaan Kelantan dengan sempurnanya Dewan ini tentu mengetahui siapa yang akan bertanggungjawab di atas hal ini. Saya tidak dapat untuk bertanggungjawab atas wang yang akan dibelanjakan di satu-satu negeri itu melainkan saya diberi peluang melawat tempat-tempat itu, berjumpa dengan pegawai-pegawai dan jawatankuasa yang bertanggungjawab supaya saya mendapat akuan yang wang itu akan dibelanjakan menurut dasar yang sebenar dan memberi puashati.